STRATEGI PROMOSI SILAT LIANPADUKAN

Mohamad Sharizan Bin Musa

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)
2014

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

STRATEGI PROMOSI SILAT LIANPADUKAN

MOHAMAD SHARIZAN BIN MUSA

31074

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade : _____

Please tick (/)
Final Year Project Report ☒
Master ☐
PhD ☐

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the _____ day of _____ 2014.

Student's Declaration :

I **MOHAMAD SHARIZAN BIN MUSA, 31074 FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF** (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY)hereby declare that the work entitled, **STRATEGI PROMOSI SILAT LIANPADUKAN** is my original work. I have not copied from any student's work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

_____
(Date Submitted)

Mohamad Sharizan Bin Musa (31074)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I, **MR. MASTIKA LAMAT** (SUPERVISOR'S NAME) hereby certify that the work entitled, **STRATEGI PROMOSI SILAT LIANPADUKAN** (TITLE) was prepared by the above named student,and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of BACHELOR **OF APPLIED ARTS WITH HONOURS DESIGN TECHNOLOGY**,(PLEASE INDICATE THE DEGREE) and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by: **Mr. Mastika Lamat**
(Name of the supervisor)

Date : 14/4/14

Mastika Lamat
Lecturer
Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (/)):

☐ **CONFIDENTIAL** (contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

☐ **RESTRICTED** (contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*

☒ **OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Center for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- The Center for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Center for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database.
- The Center for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institude.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself/herself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature: _____ (Date)

Current Address :
L-13-10 PANGSAPURI JASA,
TAMAN MUTIARA RINI,
81300 SKUDAI, JOHOR

Supervisor's Signature: _____ (Date)

Mastika Lathat
Lecturer
Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

(The instrument was duly prepared by The Center for Academis Information Services)

Tajuk **"STRATEGI PROMOSI SILAT LIANPADUKAN"** telah di sediakan oleh **Mohamad Sharizan Bin Musa** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian **Teknologi Seni Reka Grafik.**

Diterima untuk diperiksa oleh :

Penyelia

(En. Mastika Bin Lamat)

Tarikh : 14/7/14

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

Sharizan

.....

(Mohamad Sharizan Bin Musa)

Matrik : 31074

PENGHARGAAN

Saya Mohamad Sharizan Bin Musa pelajar tahun tiga Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung membantu saya dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Setinggi penghargaan terima kasih kepada penyelaras projek tahun akhir saya iaitu En. Mastika Bin Lamat kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan semangat sepanjang saya menyiapkan projek tahun akhir ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah yang telah banyak membantu saya sehingga saya dapat menyiapkan projek tahun akhir ini. Tidak lupa juga diucapkan penghargaan terima kasih kepada ibubapa saya yang banyak memberi semangat dan sumbangan untuk saya menyiapkan projek tahun akhir ini.

Selain itu, penghargaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan yang banyak memberi semangat dan membantu saya secara langsung dan tidak langsung sepanjang saya membuat projek tahun akhir ini.

ABSTRAK

Penyelidikan ini dilakukan untuk mempromosikan Silat Lianpadukan. Silat Lianpadukan berasal daripada China dan diperkenalkan di negeri johor. Oleh itu, silat ini bukanlah seratus peratus silat melayu. Tajuk ini dipilih kerana seni silat semakin dilupakan terutama di Malaysia. Oleh itu, promosi terhadap silat lianpadukan ini dijalankan supaya masyarakat dapat menerima silat setanding dengan seni mempertahankan diri yang lebih popular. Strategi yang digunakan adalah dengan menonjolkan keunikan silat Lianpadukan dan menterjemahkanya dalam bentuk media pengiklanan.

ABSTRACT

The purpose of this research is to promote Silat Lianpadukan. Silat Lianpadukan is originated from china which is then introduced to Johor. This prove that this silat martial art not purely malay silat. The main reason, the title is being chosen is because nowadays the existing of silat is being forgotten especially in Malaysia. Furthermore, the promotion is being done so that the society can accept silat as equally as any other type of existing martial art which is more popular compare to silat. One of the strategy that can be use is by extruding the uniqueness of Silat Lianpadukan and converting it into advertising medium.

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

ISI KANDUNGAN

BAB 1

1.1 Pengenalan 1

1.1.1 Definisi promosi..... 2

1.1.2 Definisi seni mempertahankan diri 3

1.1.3 Latar belakang silat lianpadukan 6

1.1.4 Silibus lianpadukan 11

1.2 Persoalan kajian..... 12

1.3 Permasalahan kajian..... 13

1.4 Objektif kajian 14

1.5 Skop kajian 14

1.6 Hipothesis 15

1.7 Analisa SWOT 15

1.7.1 Strenght (kekuatan) 15

1.7.2 Weakness (kelemahan) 16

1.7.3 Opportunity (peluang) 16

1.7.4 Threat (ancaman) 16

1.8 Sasaran pengguna 17

1.9 Strategi kreatif 17

1.10 Cadangan media promosi 18

1.10.1 Poster 18

1.10.2 Bunting 18

1.10.3 Papan iklan 18

1.10.4 Internet 19

1.10.5 Iklan televisyen 19

1.10.6 Surat khabar 19

1.11 Limitasi kajian 20

1.12 Kepentingan kajian 20

1.13 Sorotan kajian lepas 21

1.14 Kesimpulan 24

BAB 2 : METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pengenalan 25

2.2 Sumber data primer 25

2.2.1 Kaedah pemerhatian 25

2.2.2 Kaedah temuramah 26

2.2.3 Fotografi dan video 26

2.2.4 Kaedah kuantitatif 26

2.3 Sumber data sekunder 27

2.4 Konsep 27

2.5 Kesimpulan 28

BAB 3 : HASIL DAPATAN KAJIAN

3.1 Pengenalan 29

3.2 Dapatan kajian 30

3.2.1 Analisis borang soal selidik 30

3.3 Analisa data 48

3.4 kesimpulan 49

BAB 4 : CADANGAN PROJEK

4.1 Pengenalan 50

4.2 Kajian terhadap periklanan 50

4.3 Poster 52

4.4 Papan iklan dan banner 54

4.5 Bunting 55

4.6 Surat khabar 56

4.7 Iklan televisyen 57

4.8 Internet 58

4.9 Perletakkan media pengiklanan 59

BAB 5

5.1 Kesimpulan 60

5.2 Bibliografi 61

5.3 lampiran 63

BAB 1

1.1 PENGENALAN

Bab ini menerangkan tentang definisi sesuatu promosi. Pengkaji harus mengetahui definisi promosi sebelum menjalankan kajian. Pengkaji juga haruslah mengetahui tujuan dijalankan sesuatu promosi terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan. Selain itu, bab ini juga menerangkan maksud seni mempertahankan diri dan tujuan seni mempertahankan diri diwujudkan. Persoalan terhadap kajian yang ingin dijalankan juga dikaji supaya pengkaji mengenal dengan betul barang atau perkhidmatan yang ingin dipromosikan. Masalah juga hendaklah di kaji supaya pengkaji tahu permasalahan dan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi supaya objektif yang sasarkan berjaya.

1.1.1 Definisi promosi

Promosi merupakan satu teknik komunikasi melalui penyampaian dengan menggunakan media seperti television, radio, papan tanda, poster,bena, banting, blog dan lain-lain yang bertujuannya untuk menarik minat manusia terhadap sesuatu perkhidmatan atau produk. Promosi sebagai media untuk menghubungkan antara penjual dan pembeli.

Tujuan promosi terhadap Silat Lianpadukan adalah untuk memperkenalkan silat ini supaya orang ramai dapat mempelajarinya. Pada masa sekarang, seni

mempertahankan diri sangat penting terhadap diri seseorang itu. Jenayah boleh berlaku di mana-mana sahaja tidak mengira tempat atau masa. Mempelajari seni mempertahankan diri juga mempunyai banyak faedah. Antara faedah yang boleh diperolehi melalui seni mempertahankan diri ini ialah kita dapat menyihatkan tubuh badan kita. Hal ini demikian kerana badan kita akan berpeluh semasa melakukan pelbagai pergerakan dalam aktiviti ini. Lantaran itu, toksik-toksik dalam tubuh badan kita akan keluar bersama-sama peluh yang mengalir di tubuh kita. Sebagai contoh, pergerakan yang pantas dan tangkas akan menguatkan otot tubuh badan kita. Sememangnya aktiviti seperti ini menyumbang kepada kesihatan tubuh badan kita. Selain itu, kita juga boleh mempertahankan diri daripada serangan pihak yang tidak bertanggungjawab. Hal ini terjadi kerana kita telah diajar cara-cara untuk mengelakkan serangan dan menyelamatkan diri dalam seni pertahanan diri ini. Justeru, kita akan dapat bertindak dengan pantas sekiranya menghadapi saat-saat yang mencemaskan itu. Sekiranya terdapat perogol yang ingin melakukan perbuatan keji itu kepada seseorang perempuan yang mempunyai kepakaran dalam seni mempertahankan diri, sudah tentu perogol tersebut akan teruk dibelasah oleh perempuan tersebut. Oleh itu, kepakaran dalam bidang ini sememangnya boleh menyelamatkan maruah seseorang dalam keadaan tertentu.

. Kesimpulannya, terdapat banyak faedah positif sekiranya seseorang itu melibatkan diri dalam seni mempertahankan diri .Oleh itu, janganlah membuang masa yang ada sebaliknya mengambil peluang yang ada untuk mempelajarinya agar kita mempunyai keyakinan diri dalam menghadapi pelbagai situasi yang kritikal

sebagaimana yang telah diajar dalam seni pertahanan diri ini.Sememangnya aktiviti ini menjadi wadah untuk kita meneruskan budaya yang kian pupus ditelan zaman seperti yang berlaku kepada seni silat tanah air kita.

1.1.2 Definisi Seni mempertahankan diri

Seni bela diri merupakan satu kesenian yang timbul sebagai satu cara seseorang itu mempertahankan diri. Seni bela diri telah lama wujud dan pada mulanya ia berkembang di medan pertempuran sebelum secara perlahan-lahan apabila peperangan telah berkurangan dan penggunaan senjata moden mula digunakan secara berleluasa, seni bela diri mula berkembang dikalangan mereka yang bukannya anggota tentera tetapi merupakan orang awam. Boleh dikatakan seni bela diri terdapat di merata-merata di dunia ini dan hampir setiap negara mempunyai seni bela diri yang berkembang samaada secara tempatan atau diubah suai daripada seni bela diri luar yang meresap masuk.

Bagaimanapun kemudahan perhubungan dan komunikasi yang ada pada masa ini memudahkan perkembangan idea dan seni bela diri tidak lagi terhad di tanah asalnya tetapi telah berkembang keseluruh dunia. Terdapat beberapa jenis seni mempertahankan diri di negara ini. Antara seni mempertahankan diri yang ada di Malaysia ialah Silat, Silambam dan Wushu. Seni Silat atau Pencak Silat adalah salah satu seni mempertahankan diri bagi bangsa Melayu atau Nusantara yang diamalkan sejak berkurun yang lampau. Usia sesebuah ilmu atau salasilah seni silat tidak dapat

dihuraikan secara terperinci dan tepat kerana tiada usaha-usaha untuk mengkaji dari pihak berwajib secara mendalam. Ada yang menganggarkan seni ini telah berusia berates-ratus tahun dan diperturunkan dari generasi ke generasi. Ini termasuklah pengamal-pengamal seni mempertahankan diri di Malaysia, Fillipina, Brunei, Indonesia dan Thailand. Amalan sekarang, pegajar atau guru silat digelar jurulatih dan seorang yang mewarisi aliran sesuatu perguruan digelar Guru Utama aliran itu. Kebanyakan guru silat kini menolak gelaran Mahaguru kerana bagi mereka gelaran 'maha' hanya sesuai untuk Allah dan ini menepati perawakan guru silat yang kebiasaannya gemar menyembunyikan kemahiran mereka dan amat merendah diri. Pesilat senior yang telah lama berkecimpung dalam dunia silat sebagai pengajar, berkemahiran tinggi dan ada di antaranya mewarisi beberapa aliran yang telah hilang digelar sebagai Guru Tua dan amat dihormati. Pesilat yang mempunyai tahap silat yang tinggi digelarkan pendekar.

Antara senjata-senjata Melayu lama yang sering digunakan oleh pesilat adalah seperti keris, badik, kerambit, parang, pedang, lading, Tumbuk Lada, tekpi, tongkat, tembong dansundang. Bagi silat yang tidak menggunakan senjata, pengajaran akan menumpukan perhatian kepada pertempuran tangan kosong (tanpa senjata). Secara am sesebuah aliran silat mengajar kedua-dua kemahiran dan aliran yang hanya menumpukan salah satu daripadanya adalah sedikit. Kebiasaannya seseorang penuntut atau murid baru akan ditumpukan kepada kemahiran tempur tangan kosong sebelum diajar bermain senjata. Bagi sesetengah aliran, hanya murid yang diiktiraf berkemahiran dan mempunyai adab keperibadian yang tinggi

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

dibenarkan mempelajari kemahiran senjata, terutama bagi yang mempunyai senjata yang dianggap senjata 'rasmi' bagi aliran itu.

Pergerakan silat terbahagi kepada bunga (pergerakan seolah-olah tarian, digelar juga seni atau tari) dan buah (pukulan atau buah pukul). Bagi mereka yang tidak pernah melihat seni pertahanan diri ini, mungkin ia kelihatan seperti sejenis tarian. Namun terdapat aliran yang hanya mempunyai buah seperti Silat Cekak dan Buah Bentayan. Seni tari yang halus ini memungkinkan ia digunakan sebagai persembahan dalam sesuatu majlis keramaian, malah hampir setiap aliran mempunyai 'tari sembah' termasuklah aliran yang tidak mempunyai bunga. Tari sembah ini dipersembahkan untuk memperkenalkan diri dan aliran yang diwakili/dipelajari. Dalam situasi pergaduhan, permulaan langkah dari tari sembah atau sejurus dari bunga yang diperlihatkan membolehkan pesilat mengenali rakan sealiran dan memungkinkan situasi berakhir dengan damai dan bermaaf-maafan.

Adalah menjadi ungkapan yang terkenal dan biasa disebut oleh guru-guru silat bahawa bunga silat mempunyai seribu satu muslihat. Selain daripada kelihatan mengelirukan (seolah-olah menari) dan sebab-sebab di atas, bunga juga digunakan untuk memberi masa dan ruang kepada lawan untuk menghulurkan salam perdamaian (ini dapat dilihat dalam kebanyakan bunga yang kelihatan seperti menghulur salam), menyembunyikan buah dan sudut serangan dan mengacah serta mengumpan lawan (kadangkala sehingga sengaja menunjukkan bahagian tubuh tertentu bagi diserang untuk memerangkap musuh). Silat Gayung Fatani terkenal dengan pergerakan bunga yang cantik dan istilah 'melilit'. Pesilat aliran ini akan sengaja memberi ruang dan

isyarat kepada musuh untuk menyerang atau cuba melepaskan diri, di mana semakin musuh itu menyerang setelah termasuk perangkap kuncian, maka semakin ketat mereka akan 'terbelit' dalam kuncian pesilat aliran ini.

Silat juga terkenal sebagai sistem pertahanan diri yang banyak menggunakan kuncian, sama ada kunci urat saraf atau anggota tubuh. Istilah 'kunci mati' adalah sinonim dengan silat. Suatu teori menyatakan bahawa perkataan silat sendiri berasal dari *silek* dari bahasa Minangkabau. *Silek* adalah salah satu komponen untuk menyembahkan tarian rakyat *randai* Minangkabau bersampingan *bakaba* (pereka cerita) dan *saluang jo dendang* (lagu-dan-seruling).

Istilah silat adalah sebenarnya suatu kata nama am yang digunakan untuk merujuk pada seni mempertahankan diri di Asia Tenggara. Ia dikenali di Malaysia sebagai seni silat, seni bela-diri dan kadang-kala ilmu silat/pencak silat. Di Sumatra silat dikenali sebagai *silek* dan lebih popular di Jawa dan Indonesia sebagai Pencak Silat. Versi Cina bagi silat dikenali sebagai *kuntao*.

1.1.3 Latar belakang Silat Lianpadukan

Lian Padukan adalah sejenis seni beladiri yang berasal dari Yunan, China. Maka, ianya bukanlah seratus peratus silat Melayu. Ia dibawa ke Singapura oleh seorang pedagang Arab dari Yunan bernama Syed Abdul Rahman Yunani pada kurun ke-18. Beliau berketurunan Saidina Semaun Al-Radzi, pengasas sebenar aliran Buah Pukul yang kini masyhur di selatan Semenanjung Malaysia. Dalam sejarah, tercatat

satu insiden di pelabuhan Singapura di mana Syed Abdul Rahman bertempur dengan 8 orang penarik *lanca* (kenderaan dua roda yang ditarik oleh manusia) akibat perselisihan faham. Akhirnya, Syed Abdul Rahman dengan mudahnya mengalahkan mereka. Berita itu sampai ke pengetahuan istana Johor ketika itu, lalu pengawal peribadi baginda Datuk Awang bin Ali (Awang Daik) menyiasat kehebatan Syed Abdul Rahman.

Menurut firasat Awang Daik pula, beliau tidak mampu menewaskan Syed Abdul Rahman berseorangan, lalu beliau meminta sahabatnya, Pak Long Muhammad Yasin Yunus yang merupakan Ketua Polis Muar ketika itu untuk bersama-sama menguji kehebatan Syed Abdul Rahman.Ketika kedua-duanya bertemu dengan pedagang Arab itu, dan setelah berkali-kali diumpan menunjukkan kebolehannya, akhirnya Syed Abdul Rahman terpaksa bertempur dengan mereka dan kedua-duanya Awang Daik dan Pak Long tewas di tangan Syed Abdul Rahman. Untuk menebus kekalahan mereka, kedua-dua pendekar Johor itu berguru dengan Syed Abdul Rahman Yunani.Ketika itu, Stamford Raffles tidak membenarkan apa jua seni beladiri dipelajari di Singapura, maka Syed Abdul Rahman dijemput mengajar di Mersing, Johor, di mana Awang Daik merupakan Pesuruhjaya Tinggi daerah itu.Mulai saat itulah, kaedah beladiri itu dikenali sebagai Buah Pukul Mersing, di mana banyak dari golongan kerabat diraja, bangsawan dan pendekar yang turut sama menuntut. Antara orang yang mempelajari seni ini adalah Isa Sulaiman dan Yaakob Tera dan dikembangkan lagi kepada Pak Teh Muhammad Yasin bin Kubong, seorang anak watan Mersing. Kemudian, seni ini diperturunkan kepada Abdul Rahman bin

Awang Chik (Cu Aman) yang mewariskannya kepada Mohamed bin Chik (Pak Mat Kedidi).

Mohamed bin Chik atau lebih dikenali sebagai Pak Mat Kedidi mula menuntut Buah Pukul dari ayahnya sendiri. Pada umur 9 tahun, beliau ke Kelantan untuk menambahkan ilmunya. Ketika berumur 19 tahun pula, beliau berguru dengan Awang bin Idris, iaitu abang iparnya. Pada tahun 1939, sewaktu berumur 27 tahun, beliau menyertai pasukan polis dan ditugaskan di sempadan Siam. Di sana, beliau sempat berguru Tomoi dengan Tok Chah, seorang guru yang masyhur di Padang Besar. Berkat kegigihan Pak Mat Kedidi, beliau menjadi juara Tomoi di Padang Besar dengan gelaran Black Beetle (Kumbang Hitam). Selepas itu, beliau berulang-alik antara Kuala Lumpur dan Kuala Sungai Baru, Melaka untuk berguru dengan Long Aman bin Ujan dalam aliran Sendeng Asli Muar, di mana Pak Mat Kedidi turut mendalami seni Tekpi.

Pak Mat Kedidi yang turut menuntut Buah Pukul dari Cu Aman akhirnya menerima Nukil (Catatan Salasilah Perguruan) daripada gurunya itu pada tahun 1961 di samping disuruh berguru dengan Kadi daerah Mersing ketika itu iaitu Sani Abu Samah. Pada 1972, sebelum bersara, beliau bersahabat dengan Pak Manas, guru Sunting Johor dan berjumpa dengan abang sepupunya, Haji Ahmad Awang, mufti kerajaan negeri Johor ketika itu. Hasil perbincangan dengan beliau, maka lahirlah Lian Padukan, yang pada asalnya dikenali sebagai Lian Paduka kerana pernah diajar kepada Sultan Ibrahim. Setelah bersara, Pak Mat Kedidi mengembangkan seni ini yang menggabungkan Sendeng, Sunting, Buah Pukul Mersing dan Tomoi di dalam

satu permainan yang kukuh dan mengekalkan identiti dan konsep asas buah pukul iaitu, "Tak nak kena tapi Nak Mengena"

Lian Padukan mengandungi empat pergerakan asas yang dipanggil Jurus yang mengajar teknik-teknik menggunakan perisai, penumbuk, siku, lutut dan kaki. Perisai adalah teknik yang dikembangkan oleh Pak Mat dalam bentuk yang tidak terdapat dalam Buah Pukul asal.

Perisai adalah penggunaan tangan pepisau dalam kedua-kedua pergerakan menyerang dan menangkis untuk menyekat pergerakan lawan secara berkesan dan kebolehan menahan sama ada dalam keadaan pergerakan terus kehadapan ataupun pergerakan menyamping dalam atau luar. Perisai adalah salah satu daripada teknik yang paling penting dalam Lian Padukan dan digunakan pada semua peringkat pelajaran dan kemahiran. Setelah selesai peringkat Jurus, penuntut akan naik ke peringkat Lian. Dalam Buah Pukul Lian bermaksud pergerakan atau pattern, sama seperti konsep 'kata' dalam karate atau gaya dalam seni beladiri Cina.

Terdapat empat peringkat Lian dengan setiap peringkat mengandungi empat Lian untuk dikuasai. Pada peringkat Lian, penuntut diperkenalkan kepada teknik-teknik dan aplikasi-aplikasi tertentu yang berkaitan dengan setiap Lian. Tahap kemahiran penuntut akan meningkat sewaktu memahirkan diri dengan Lian.

Dalam Lian, penuntut mempelajari teknik-teknik dan taktik-taktik seperti Rebut (mematahkan pertahanan lawan), Reju (tekanan berterusan ke atas lawan),

Turut (mengikut arah pergerakan lawan), Titik (mematahkan serangan tangan lawan) dan Makan Gerak (serangan memotong gerak lawan).

Di dalam Lianpadukan, tiada istilah guling-mengguling, lenting-melenting, menari-nari, baring, berpusing-pusing dan berlari-lari. Di dalam Lianpadukan penumbuk itu bermaksud buah, perisai (tapak tangan) itu pukul. Bila kita menumbuk, musuh menepis, kita melapis ataupun musuh menumbuk, kita melapis. Lianpadukan lebih banyak menekankan corak mendahului serangan daripada menanti serangan. Konsep inilah yang menjadi matapelajaran teras dalam Lianpadukan.Konsep Lianpadukan tidak jauh berbeza daripada konsep Buah Pukul yang asal.Secara asasnya, Lianpadukan mengajar cara serangan yang terus dan agresif. Intisari Lianpadukan terletak pada kebolehan pengamalnya untuk melancarkan teknik makan gerak kepada lawannya di mana itu akan menyebabkan lawannya gagal melancarkan sebarang bentuk serangan atau menahan.Sekali pengamal Lianpadukan bergerak mara dan menyerang dalam jarak rapat, ia akan berterusan memberi tekanan melalui rangkaian serangan yang akan memusnahkan pertahanan lawan sehingga betul-betul menguasai keadaan.Pengamal Lianpadukan hanya akan berhenti menyerang setelah lawannya benar-benar telah dikalahkan iaitu sehingga jatuh. Oleh itu, Lianpadukan bukanlah satu seni yang pasif atau bertahan, tetapi lebih kepada pro-aktif, agresif dan berbahaya.

1.1.4 Silibus Lianpadukan

1.2 PERSOALAN KAJIAN

1.2.1 Persoalan pertama kajian ini adalah bagaimana untuk menjadikan Silat Lianpadukan lebih dikenali oleh masyarakat seperti seni mempertahankan diri yang lain. Hal ini kerana Silat Lianpadukan kurang dikenali berbanding dengan seni mempertahankan diri yang lain seperti muay thai dan taekwondo.

1.2.2 Persoalan kedua adalah mengenai media yang sesuai digunakan untuk mempromosikan Silat Lianpadukan. Penggunaan media yang sesuai dapat menarik perhatian orang ramai dan membuatkannya terpahat di ingatan.

1.2.3 Persoalan yang ketiga adalah dimana Silat Lianpadukan ini boleh dipromosikan. Silat Lianpadukan perlu dipromosikan di tempat-tempat yang strategik dan sesuai supaya penyampaian yang ditunjukkan diterima oleh orang ramai.

1.2.4 Persoalan yang keempat bertanyakan tentang elemen grafik yang perlu ada dalam strategi mempromosikan Silat Lianpadukan. Elemen grafik seperti penggunaan warna, garisan, rekebentuk dan rekaletak mestilah sesuai dengan promosi yang dijalankan supaya promosi yang dijalankan kelihatan lebih menarik.